

KBAT
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

LATIH TUBI 30 TOPIK BAHASA MELAYU

600 SOALAN TATABAHASA

BONUS

- ✓ TIP BIJAK BAHASA
- ✓ PETA MINDA
- ✓ KOSA KATA

TAHUN 4 • 5 • 6




SULAIMAN MOIDEN
ABDUL HAMID MOIDEN

READ RESOURCES

Pilih kata bantu yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

1. Kesemua warga sekolah _____ bertanggungjawab menjaga harta benda sekolah daripada sebarang kerosakan.
A. hendak
B. mesti
C. mahu
D. masih
2. Azman masih _____ sedar daripada koma walaupun telah hampir tiga bulan terlantar di hospital.
A. akan
B. belum
C. sedang
D. telah
3. Cikgu Hariharan _____ memegang jawatan sebagai Guru Penolong Kanan di sekolah lamanya sebelum dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar di SK Seri Pantai.
A. sedang
B. pernah
C. masih
D. akan
4. "Kalian _____ segera ke tempat kejadian,"kata pegawai polis itu kepada anak buahnya.
A. pernah
B. dapat
C. perlu
D. baru
5. Walaupun hari telah larut malam, namun abang _____ belum pulang ke rumah.
A. juga
B. dapat
C. masih
D. telah
6. Ibu _____ sibuk menyediakan lauk untuk berbuka puasa ketika saya pulang dari sekolah.
A. akan
B. mesti
C. sedang
D. dapat
7. Mei Lan _____ menyertai pertandingan bersajak peringkat negeri, namun ditegah oleh kedua-dua orang tuanya disebabkan prestasi akademiknya yang kian merosot.
A. hendak
B. mesti
C. belum
D. dapat
8. Hakim tidak _____ menghabiskan mi kari itu kerana rasanya yang terlalu pedas.
A. mesti
B. hendak
C. boleh
D. sedang



9. Nani terlepas penerbangannya ke Mexico kerana kapal terbangnya _____ berlepas beberapa minit yang lalu.
- akan
 - sedang
 - belum
 - telah
10. Halimah _____ berkunjung ke pusat beli belah Alamanda bersama beberapa orang rakannya pada hujung minggu ini.
- masih
 - sedang
 - belum
 - akan
11. Disebabkan terlalu sibuk dengan tugasannya, Encik Asri _____ makan tengah hari lagi walaupun hari telah lewat petang.
- masih
 - sedang
 - akan
 - belum
12. Ismail _____ mengikut bapa saudaranya melancong ke Eropah walaupun dihalang oleh bapanya.
- hendak
 - boleh
 - belum
 - dapat
13. Hafizah _____ tidak dapat melupakan kemalangan jalan raya yang meragut nyawa kedua-dua orang tuanya.
- masih
 - akan
 - hendak
 - pernah
14. Lelaki itu berjanji _____ memulangkan wang yang dipinjamnya secepat mungkin sebaik sahaja dia mendapat gajinya pada hujung bulan ini.
- masih
 - telah
 - belum
 - akan
15. Pihak bomba _____ menyiasat punca kebakaran besar yang memusnahkan sederet rumah kedai di Taman Astana.
- akan
 - belum
 - sedang
 - boleh
16. Setelah bersara, Cikgu Haida _____ melancong ke Istanbul bersama keluarganya.
- perlu
 - hendak
 - mesti
 - masih
17. Pelajar yang digantung persekolahan itu _____ menerima amaran beberapa kali daripada guru disiplin.
- telah
 - akan
 - sedang
 - perlu



18. "Bagi melayakkan pasukan kita ke peringkat akhir, kita _____ memenangi perlawanan ini," pesan kapten pasukan bola sepak itu.
- A. mesti
 - B. akan
 - C. telah
 - D. sedang

19. "Jika ada sesiapa _____ menjawab soalan ini dengan betul, saya akan berikan hadiah yang lumayan," kata Cikgu Hamid.
- A. dapat
 - B. pernah
 - C. sudah
 - D. masih
20. "Kamu _____ memberikan sesuatu hadiah kepada Raziq sebagai tanda terima kasih kerana dia telah banyak membantu kamu untuk mendapatkan pekerjaan ini," kata ibu.
- A. sedang
 - B. akan
 - C. perlu
 - D. masih

TIP BIJAK BAHASA

☒ Salah	☒ Betul
dua setengah jam	dua jam setengah
lain – lain hal	hal – hal lain
daripada pukul 10.00 pagi	dari pukul 10.00 pagi
memperlebarkan jalan raya	memperlebar jalan raya
terima kasih di atas jasa	terima kasih atas jasa